

**BAHASA MELAYU DI DARATAN ASIA TENGGARA: PENDEKATAN SEJARAH DAN GEOLINGUISTIK**, oleh Asmah Haji Omar. 2019. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur. Halaman 230. ISBN 978-983-49-2267-2.

Sebelum berbicara lebih panjang, pengulas gemar untuk memulakan pengulasan buku dengan latar belakang penulis buku "*Bahasa Melayu Di Daratan Asia Tenggara: Pendekatan Sejarah dan Geolinguistik*". Hal ini penting kerana penulis dan hasil penulisan amat berkait rapat. Beliau merupakan mantan pensyarah di Jabatan Linguistik di Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya. Beliau dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus daripada Universiti Malaya pada tahun 2000 dan Doktor Persuratan Kehormat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2006. Di samping kerjayanya sebagai seorang pendidik, beliau juga aktif dalam kegiatan penulisan dan penyelidikan dalam bidang tatabahasa Melayu dan perancangan bahasa Melayu meliputi pelbagai kepakaran linguistik seperti etnolinguistik, sociolinguistik serta sejarah linguistik Alam Melayu.

Dalam buku *Bahasa Melayu Di Daratan Asia Tenggara: Pendekatan Sejarah dan Geolinguistik*, bab pertama dimulakan dengan bab *Daratan Asia Tenggara: Thailand, Cambodia dan Vietnam*. Penulis memulakan perbincangan terasnya dengan memperkenalkan latar belakang negara-negara yang menjadi lokasi utama kajian, seperti dalam tajuk bab ini. Beliau menegaskan bahawa aspek sejarah dan kebudayaan sesebuah masyarakat penting untuk diketahui terlebih dahulu bagi memudahkan proses penyebaran bahasa, khususnya Bahasa Melayu yang menjadi subjek utama buku ini. Melihat kepada sejarah pemerintahan, Thailand dan Cambodia mengamalkan sistem pemerintahan raja berperlembagaan (*constitutional monarchy*) seperti Malaysia, berbanding Vietnam yang mengamalkan pemerintahan negara republik mendukung komunisme secara rasmi.

Bagi aspek kebudayaan pula, penulis telah memecahkan aspek ini kepada dua cabang besar, iaitu budaya peribumi dan budaya hasil pengaruh luar. Jika ditinjau dari aspek budaya peribumi, penulis menyatakan bahawa penyebaran bahasa merupakan contoh budaya peribumi yang paling ketara. Tambah penulis, terdapat percampuran bahasa Austronesia dan Austroasiatik dalam kalangan penuturnya di ketiga-tiga buah negara ini, termasuklah di Malaysia sendiri. Antara bahasa-bahasa yang disentuh oleh penulis ialah bahasa Thai, Lao, Khmer dan Vietnam. Seterusnya, dari aspek budaya hasil pengaruh luar, penulis hanya memberi tumpuan kepada pengaruh keagamaan dan kepercayaan sahaja. Menurut beliau, pada mulanya kawasan-kawasan ini dipengaruhi dengan kepercayaan animism. Kemudian, kedatangan para mubaligh agama Hindu dan Buddha jelas membawa perubahan kepada sistem keagamaan di ketiga-tiga kawasan ini. Proses Indianisasi dengan berpandukan kitab-kitab suci serta ketua-ketua agama yang berpengaruh membuatkan agama ini mudah dianuti oleh masyarakat setempat. Kesimpulannya, bab ini merupakan 'jendela' dengan memberikan gambaran ringkas tentang aspek-aspek yang akan dibincangkan selanjutnya.

Dalam bab kedua, *Penyebaran Bahasa Melayu dalam Ruang Geografi*, didapati penulis membentuk rancangan penyelidikannya yang tersendiri. Awalnya, kelihatan penulis berpegang teguh kepada persoalan-persoalan kajian yang timbul. Antaranya ialah bagaimanakah pasang surutnya penyebaran Bahasa Melayu, faktor-faktor yang menyumbang kepada situasi Bahasa Melayu terkini di kawasan tersebut serta penerimaan penutur komuniti-komuniti di dalamnya terhadap Bahasa Melayu. Selain itu, data kajian juga dikumpulkan penulis dengan menjalankan kajian lapangan kepada 'target person', iaitu komuniti yang bertutur dalam bahasa Melayu dan yang menganggap diri mereka Melayu.

Selain merujuk kepada sumber bertulis seperti Surat-Surat Sultan Abdul Halim Shah dan cerita rakyat bagi memahami sorotan sosiobudaya masyarakat-masyarakat kawasan ini, beliau juga beranggapan informan yang ditemuinya merupakan sumber utama kajian serta lebih segar bagi menjelaskan situasi terkini yang sedang berlaku dalam masyarakat setempat.

Pendekatan geolinguistik digunakan sebagai kaedah utama kajian kerana metode ini kelihatan menyeluruh serta mengambil kira faktor-faktor sosial dan kemanusiaan yang menyebabkan penghijrahan sesuatu kelompok manusia ke penempatan baru, yang secara jelasnya mempengaruhi persekitaran sosial sesebuah masyarakat sehingga menyebabkan berlakunya kemajuan atau kemunduran bahasa pertuturan yang diamalkan, di samping sikap penutur itu sendiri terhadap bahasanya. Kesimpulannya, bab kedua cuba untuk menerangkan kepada pembacanya tentang konsep-konsep yang diterima pakai dalam pendekatan geolinguistik. Oleh kerana ketiga-tiga negara yang menjadi lokasi utama kajian memperlihatkan perbezaan yang ketara dari sudut sosiobudaya serta politiknya, maka sudah pasti terdapatnya kelainan dalam menghuraikan pendekatan sejarah yang digunakan, dalam erti kata lain sebagai pembuka kepada perbincangan seterusnya, iaitu dalam usaha menerangkan konsep-konsep yang digunakan dalam pendekatan geolinguistik.

Dalam bab ketiga, *Penyebaran Bahasa Melayu di Thailand*, penulis memulakan perbincangan dengan sejarah hubungan kerajaan Siam dengan Kedah serta kawasannya pentadbirannya yang lain seperti Perlis dan Setol. Penulis juga membincangkan sejarah hubungan kerajaan Siam dengan negeri di selatan Thailand sekarang seperti Patani serta hubungannya dengan Kelantan. Dalam bab ini, terdapat satu subbab yang menjadi perhatian pengulas, iaitu bahasa Thai sebagai alat asimilasi suku kaum minoriti. Hal ini diakui oleh oleh Benjawan Poomsan Becker dalam karyanya bertajuk *The Interpreter's Journal*, bahawa keluarganya yang tinggal di persempadanan Thailand-Laos yang bertutur dalam bahasa Lao tidak mengamalkan bahasa ibunda mereka atas dua faktor. Pertama, sistem persekolahan di Thailand menggunakan bahasa Thai, khususnya dialek Thai Tengah (*Central Thai*) sebagai bahasa pengantar dan khuatir akan dipandang rendah oleh masyarakat Thai. Kesannya, mereka sendiri tidak dianggap sebagai masyarakat Thailand manakala orang Laos pula tidak mengiktiraf asal usul mereka dari keluarga Lao. Hal ini menyebabkan mereka mengalami krisis identiti sehingga melabelkan diri mereka sebagai *Thai Isaan* (orang Thai Isaan).

Bagi melihat geolinguistik bahasa Melayu di Thailand, penulis memberi fokus kepada beberapa buah kawasan utama seperti Ban Pon, Klong Neng, Prapadeng, To San, Sai Koding dan Nakhorn Srithammarat, yang menjadi kawasan pemindahan bahasa Melayu dari Patani dan Kedah. Dari sudut yang lain, dapat dilihat bahawa dasar kerajaan Thailand yang giat dalam mengasimilasikan kaum-kaum minoriti dengan penyebaran bahasa Thai. Hal ini menyebabkan aktiviti penyebaran bahasa Melayu terganggu secara menyeluruh. Dengan melihat kepada situasi yang berlaku di selatan Thailand, usaha untuk menyuburkan kembali bahasa Melayu semakin lama semakin kelam kerana dasar yang dikenakan ke atas mereka, di samping tiada pelapis kerana sudah didoktrinkan dengan penggunaan bahasa Thai sebagai bahasa rasmi negara itu.

Dalam bab keempat, *Sejarah Bahasa Melayu di Cambodia*, seperti bab sebelumnya, penulis memulakan perbincangan bab ini dengan menyentuh aspek sejarah terlebih dahulu, seperti sejarah awal Cambodia, sejarah penjajahan dan pascapenjajahan. Pengulas sangat bersetuju dengan gaya penulisan seperti ini kerana akan memudahkan para pembaca untuk mengikuti kronologi peristiwa yang berlaku dalam sesebuah tamadun atau kawasan, di samping

mendapatkan sedikit gambaran awal tentang isu-isu penting yang akan diketengahkan. Penulis juga menghuraikan dengan baik tentang hubungan Cambodia dengan Alam Melayu, dengan menjelaskan bahawa terdapat banyak kelompangan yang dapat dilihat dalam konteks sejarah hubungan dua kawasan ini. Namun, penulis hanya menyatakan bahawa bukti hubungan antara dua buah kawasan ini hanya dikenal pasti dari aspek bahasa, yang menjadi tulang belakang kajiannya.

Menurut penulis, bahasa Cham yang diamalkan oleh orang Melayu-Cham hampir lenyap sebagai bahasa pertuturan, kerana generasi mudah lebih terdedah kepada bahasa Khmer. Tambah penulis lagi, generasi muda memahami bahasa Cham yang dipertuturkan di masyarakat tetapi masih memilih bahasa Khmer untuk memberi respons. Dari satu hal yang lain, hasil kajian penulis mendapati masyarakat Cham meneguhkan ketauhidan dan identiti mereka dengan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar melalui pertuturan bahasa Melayu. Bagi masyarakat Cham, bahasa Melayu dijadikan sebagai medium untuk menambah kefahaman mereka terhadap Islam serta hanya terbatas untuk aktiviti keagamaan sahaja, bukan untuk hal-hal luar yang lain.

Selain itu, bahasa Melayu juga diamalkan dalam aktiviti perniagaan seharian seperti di pasar, kedai makan dan sebagainya. Dari segi penggunaannya pula, didapati bahawa pengamalan bahasa Melayu dalam kehidupan sosial juga terbatas kepada mereka yang pernah belajar di Patani dan Malaysia sahaja. Dengan melihat dari perspektif-perspektif yang telah dibentangkan, pengulas mendapati setiap suku di Cambodia bebas mengamalkan ajaran agama masing-masing dan bertutur dalam bahasa ibunda, namun masih terikat dengan dasar-dasar yang dilaksanakan oleh pemerintah. Namun begitu, penggunaannya yang terbatas dalam kalangan masyarakat Cham itu sendiri menyebabkan bahasa Melayu kelihatan lumpuh dalam komuniti mereka.

Dalam bab kelima, *Sejarah Bahasa Melayu di Vietnam*, penulis menyorot kembali sejarah kerajaan Champa menerusi beberapa tulisan sarjana luar Alam Melayu seperti Ptolemy, Ibnu Battutah serta catatan tempatan seperti *Babad Tanah Jawa*. Penulis turut mengutip pandangan dan pentafsiran sarjana-sarjana yang terlibat dalam sejarah kerajaan Champa bagi menambahkan lagi maklumat tentang kawasan ini. Jika dilihat dari aspek sejarah, keluasan kerajaan Champa melambangkan betapa besarnya kawasan geolinguistik penutur bahasa Champa pada suatu ketika dahulu dan penuturnya semakin berkurangan akibat daripada kejatuhan empayarnya. Sebaliknya, bahasa Vietnam pula yang semakin meluas penggunaannya akibat daripada kejatuhan empayar Champa dan kekuasaannya masih kekal hingga ke hari ini. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, program asimilasi rakyat Vietnam menambahkan lagi derita kaum minoriti, khususnya Champa yang dipaksa mengamalkan bahasa Vietnam bagi memenuhi dasar penyeragaman bahasa yang dijalankan oleh kerajaan.

Keadaan menjadi lebih parah apabila nama peribadi mereka yang dibina berasaskan agama juga diarahkan untuk ditukar kepada nama yang sesuai dalam bahasa Vietnam bagi memenuhi dasar kerajaan. Pada pendapat pengulas, dasar asimilasi ini banyak kesan negatif berbanding positif kerana dasar ini membunuh kesan-kesan sejarah dan kebudayaan sesuatu kaum secara tidak langsung. Sementara itu, agama juga memainkan peranan penting dalam usaha memupuk semula bahasa Cham dan bahas Melayu di Vietnam yang semakin hilang. Seperti di Thailand dan Cambodia, agama dilihat membantu dalam mengekalkan identiti

kemelayuan di samping dalam menjana semula jati diri mereka sebagai kaum minoriti semakin hari semakin pupus.

Dalam bab terakhir, *Geolinguistik Bahasa Melayu di Thailand, Cambodia dan Vietnam*, penulis menjawab kembali tiga persoalan utama dalam kajian geolinguistik yang dijalankannya. Persoalan pertama tentang pasang surut bahasa Melayu di ketiga-tiga buah kawasan ini ditakrifkan sebagai tidak seragam kerana penyebaran bahasa Melayu dalam kawasan-kawasan ini dipengaruhi oleh perubahan saiz kawasan melalui peredaran zaman. Misalnya, fenomena bahasa Melayu di Thailand jelas mengalami kemerosotan yang amat ketara. Bagi Vietnam dan Cambodia pula, bahasa Melayu hanya bertindak sebagai bahasa pengantar bagi mereka yang ingin mendalami pengetahuan tentang Islam. Oleh itu, tidak ada penyebaran bahasa Melayu berlaku dalam kehidupan seharian mereka. Seterusnya, bagi menjawab persoalan kedua, iaitu keadaan bahasa Melayu terkini di ketiga-tiga buah kawasan ini, faktor yang mengundang kepada jatuh bangun bahasa Melayu adalah disebabkan oleh dasar pemerintah.

Pada awalnya, Thailand, Cambodia dan Vietnam didoktrinkan dengan dasar asimilasi sehingga menyebabkan kaum minoriti hampir pupus penggunaan bahasa Melayu mereka. Namun, ketiga-tiga kawasan pemerintahan kini bersikap lebih terbuka dan memberi kelonggaran dalam menerapkan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan dan amalan keagamaan. Begitu juga halnya dengan penerimaan komuniti berkenaan terhadap bahasa Melayu yang menjadi persoalan terakhir kajian penulis buku ini, ketiga-tiga kawasan menghadapi cabaran yang lebih kurang sama. Di Thailand, hanya bahagian selatan sahaja, iaitu Patani serta beberapa kawasan-kawasan tertentu yang berjaya mengekalkan bahasa Melayu daripada terus pupus ditelan zaman. Bagi masyarakat Melayu di Vietnam dan Cambodia, mereka terpaksa bersikap pragmatik dengan menerima dasar yang sedia ada demi memajukan masyarakat mereka, di samping berusaha mengekalkan identiti mereka sebagai orang Melayu-Cham dan orang Melayu Champa.

Kesimpulannya, ketiga-tiga buah negara ini tidak menunjukkan sebarang persamaan, baik dari segi sejarah tentang pertapakan bahasa Melayu mahupun budayanya kerana dipengaruhi banyak faktor luaran dan dalaman. Namun, apa yang pasti adalah bahasa Melayu hanya terbatas sebagai medium dalam memahami ajaran Islam dengan lebih dekat. Sebaliknya, bahasa Melayu sangat jarang digunakan dalam aktiviti sosial mereka dan hanya digunakan dalam kegiatan-kegiatan tertentu sahaja.

**Mohd Fazli bin Abd Malek**  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya